

---

## SUMBER PENGETAHUAN YANG DIGUNAKAN UNTUK MELATIH PASUKAN BOLA SEPAK PUSAT LATIHAN DAERAH (PLD) KUALA LUMPUR

*Sources of Knowledge Used to Train the Football Team of the District Training Center (PLD) Kuala Lumpur*

Shamsul Kamar Mohamad & Zulakbal Abd Karim\*

Faculty of Sports Science and Coaching, Sultan Idris Education University,  
35900, Tanjung Malim, Perak, Malaysia

\*Corresponding: [zulakbal@fsskj.upsi.edu.my](mailto:zulakbal@fsskj.upsi.edu.my)

**Published online:** 12 December 2024

**To cite this article (APA):** Mohamad, S. K., & Abd Karim, Z. (2024). Sumber pengetahuan yang digunakan untuk melatih pasukan bola sepak pusat latihan daerah (PLD) Kuala Lumpur. *Jurnal Sains Sukan & Pendidikan Jasmani*, 13(Isu Khas), 39–50. <https://doi.org/10.37134/jsspj.vol13.sp.5.2024>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/jsspj.vol13.sp.5.2024>

### Abstrak

Kajian kualitatif ini bertujuan untuk mengenalpasti sumber pengetahuan yang digunakan untuk melatih pasukan bola sepak Pusat Latihan Daerah (PLD) di Kuala Lumpur. Kajian ini dijalankan selama dua belas (12) bulan bermula dari Disember 2020 hingga Disember 2021. Sebanyak tujuh (7) orang jurulatih Pusat Latihan Daerah di Kuala Lumpur dari kalangan guru telah terlibat sebagai peserta kajian dan ditemui bual bagi mendapatkan data. Jumlah peserta kajian telah ditentukan oleh tahap saturation of information di mana peserta kajian yang di temu bual didapati sudah tidak dapat mengemukakan sesuatu data yang baru berbanding dengan peserta kajian sebelumnya. Data hasil dari temu bual yang telah dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik (*thematic analysis*). Berdasarkan kajian yang dijalankan, terdapat lima sumber pengetahuan iaitu (i) diri sendiri, (ii) pihak kedua, (iii) *hands on*, (iv) *football governing body* dan (v) internet digunakan oleh jurulatih bola sepak Pusat Latihan Daerah (PLD) untuk melatih pasukan bola sepak mereka. Dengan menggunakan kelima-lima sumber tersebut, jurulatih dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran sewaktu melatih pasukan bola sepak mereka. Sehubungan itu, kelima-lima sumber pengetahuan ini boleh dimanfaatkan untuk membina satu program latihan yang baik.

**Katakunci:** Bola sepak, jurulatih, sumber pengetahuan

### Abstract

This qualitative study aims to identify the sources of knowledge used to train the football team at the District Training Center (PLD) in Kuala Lumpur. The study was conducted over twelve (12) months, from December 2020 to December 2021. A total of seven (7) football coaches from the District Training Centers in Kuala Lumpur, who were teachers, participated in the study and were interviewed to gather data. The number of participants was determined by the saturation of information, where it was found that subsequent interviewees were no longer providing new data compared to previous participants. The data collected from the interviews were analyzed using thematic analysis. Based on the findings, five sources of knowledge were identified: (i) personal experience, (ii) second-party knowledge, (iii) hands-on experience, (iv) football governing bodies, and (v) the internet, all of which were used by the coaches to train their football teams. By utilizing these five sources, coaches were able to

diversify their teaching methods when training their football teams. Therefore, these five sources of knowledge can be leveraged to develop a well-rounded training program.

**Keywords:** Football, coaches, sources of knowledge

## PENGENALAN

Merujuk kepada teras keempat program Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) iaitu meningkatkan pembangunan kejurulatihan, perkara empat Fasa 1 (2014-2020) iaitu memperkasakan program kejurulatihan dan perkara empat Fasa 2 (2021-2030) iaitu membentuk dan mendidik lebih ramai jurulatih di peringkat komuniti, sekolah rendah dan menengah, pelan program ini juga memberi penekanan kepada individu yang paling penting dalam sukan bola sepak iaitu jurulatih (Kementerian Belia dan Sukan, 2014). Terdapat pelbagai isu yang diketengahkan dalam hal ini. Antaranya ialah jurulatih yang terlibat tidak menerima pentaulahan yang sepatutnya, kurang pengetahuan teknikal yang baik, isu lesen kejurulatihan dan kemahiran melatih di kalangan jurulatih itu sendiri.

Di bawah Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN), pendidikan sepanjang masa di peringkat jurulatih akan dititikberatkan di mana setiap jurulatih perlu diberi pendedahan kepada aspek latihan terkini dan kaedah pengajaran masa kini yang sentiasa berubah dari masa ke semasa bergantung kepada corak permainan bola sepak moden kini. Pada penghujung tahun 2013, terdapat seramai 387 jurulatih yang terlibat dalam Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) sama ada sebagai jurulatih separuh masa atau sepenuh masa dan ada di antara mereka yang tidak mempunyai lesen kejurulatihan (Kementerian Belia dan Sukan, 2014).

Masih terdapat kelemahan yang dihadapi oleh jurulatih mengenai pendekatan pembelajaran yang dihadapi untuk meningkatkan kemahiran mereka. Ada jurulatih yang terlibat dalam sukan mengalami masalah seperti apakah kaedah yang sesuai digunakan, apakah metod pengajaran yang sesuai digunakan untuk melatih pemain mereka serta bagaimana untuk mengaplikasikan apa yang mereka pelajari untuk pemain mereka (Stoszkowski & Collins, 2016). Menurut Karim, Razak dan Nadzalan (2018) jurulatih haruslah mempunyai sumber pengetahuan yang tersendiri bagi meningkatkan kompetensi kejurulatihan mereka.

Sekiranya pihak program Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) tidak mengenal pasti bagaimana sumber ilmu pengetahuan kejurulatihan mereka mampu untuk meningkatkan kemahiran jurulatih mereka, maka matlamat program tidak akan tercapai dan pemain yang dilahirkan tidak mencapai standard yang ditetapkan. Apabila ini berlaku, maka pembaziran wang juga akan berlaku, kerugian masa akan dihadapi oleh jurulatih dan pelatih dan akhirnya akan memberi implikasi negatif kepada negara.

Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) merupakan satu pelan jangka panjang di mana fasa pertama telah bermula pada 2014 hingga 2020. Antara matlamat jangka pendek PPBN ialah untuk melayakkan diri ke kejohanan Piala Dunia Remaja bawah 17 tahun. Dengan peruntukan besar dan persiapan rapi selama empat tahun, pasukan bola sepak remaja negara untuk ke sekian kalinya masih lagi gagal layak ke Kejohanan Piala Dunia Remaja 2020.

Justeru, pernyataan masalah kajian ini adalah, apakah sumber yang digunakan dalam membina modul latihan bola sepak dalam program PPBN. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti sumber yang digunakan oleh jurulatih dalam membina modul latihan yang digunakan dalam program PPBN.

## METODOLOGI KAJIAN

### *Rekabentuk kajian*

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan temu bual oleh penyelidik sepenuhnya iaitu dengan melibatkan diri secara langsung melalui temu bual in-depth bagi mendapatkan data. Sesi temu bual berlangsung selama 30 minit hingga 60 minit menggunakan perakam suara. Jumlah peserta kajian telah di tentukan oleh tahap “saturation of information” di mana peserta kajian yang di temu bual

didapati sudah tidak dapat mengemukakan sesuatu data yang baru berbanding dengan peserta kajian sebelumnya.

### **Persampelan**

Seramai tujuh (7) orang jurulatih PLD dari kalangan guru telah terlibat sebagai peserta kajian Mereka merupakan jurulatih yang terlibat dengan Sekolah Sukan Negeri (SSN) dan Pusat Latihan Daerah (PLD) di sekolah-sekolah Kuala Lumpur

### **Instrumen kajian**

Instrumen kajian adalah dengan menggunakan temubual secara *open ended semi structured interview* bagi mendapatkan data secara *in-depth*. Sesi temu bual berlangsung selama 30 minit hingga 60 minit menggunakan perakam suara. Jumlah peserta kajian telah ditentukan oleh tahap “*saturation of information*” di mana peserta kajian yang di temu bual didapati sudah tidak dapat mengemukakan sesuatu data yang baru berbanding dengan peserta kajian sebelumnya. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan *Grounded Theory* (Strauss & Corbin, 2008, 1998, 1990). Menurut Strauss dan Corbin, kod adalah konsep yang sering dikurangkan perkataannya dengan menandakan apa yang berlaku dengan sekeping data. Pengekodan atau *coding* juga merupakan proses analitik yang memeriksa setiap garis kata atau perenggan demi perenggan untuk sesuatu peristiwa mahu pun pengalaman dan juga perasaan yang dinamakan sebagai sebuah konsep. Data dari temu bual akan dianalisis menggunakan kaedah pengekodan atau *coding* seperti yang disyorkan oleh Strauss dan Corbin (1998; 1990). Menurut pandangan Strauss dan Corbin (1990) pengekodan paksi (*Axial Coding*) dan pengekodan terpilih (*Selective Coding*) digunakan selepas pengekodan terbuka (*Open Coding*) ini untuk membina sebuah model. Pengekodan paksi (*Axial Coding*) pula adalah set prosedur di mana semua data yang diperoleh akan disusun semula dengan cara yang baharu selepas pengekodan terbuka (*Open Coding*) dengan menghubungkan kepada kategori-kategori yang berkaitan.

**Jadual 1:** Latar Belakang Kejurulatihan dan Demografi Peserta Kajian

<b>B</b>	<b>U</b>	<b>T.M</b>	<b>P. L</b>	<b>T. P</b>	<b>L.K</b>	<b>S. S</b>	<b>P.M</b>	<b>P. J</b>	<b>S. J</b>	<b>P. P</b>
P1	45 tahun	Victoria Institution	PLD Zon Bangsar	Sarjana	C	1	15 tahun	13 tahun	Separuh masa	Bekas pemain profesional
P2	41 tahun	Victoria Institution	PLD Zon Bangsar	Sarjana Muda	C	1	20 tahun	8 tahun	Separuh masa	Bukan pemain
P3	42 tahun	Victoria Institution	PLD Zon Bangsar	Sarjana	B	1	20 tahun	8 tahun	Separuh masa	Bukan pemain
P4	53 tahun	SMK Seri Titiwangsa	SSN Kuala Lumpur	Sarjana	B	2	26 tahun	26 tahun	Separuh masa	Bukan pemain
P5	41 tahun	SMK Keramat Wangsa	SSN Kuala Lumpur	Sarjana Muda	B	1	26 tahun	26 tahun	Separuh masa	Bukan pemain
P6	41 tahun	SMK Bintang Utara	PLD Zon Pudu	Sarjana Muda	B	2	20 tahun	13 tahun	Separuh masa	Bukan pemain
P7	39 tahun	Smk tinggi Setapak	PLD Zon Keramat	Sarjana	B	2	10 tahun	10 tahun	Separuh Masa	Bukan Pemain

\* **B:** Bilangan, **U:** Umur, **T.M:** Tempat Mengajar, **P.L:** Pusat Latihan , **T.P:** Taraf Pendidikan, **L.K:** Lesen Kejurulatihan, **S.S:** Sains Sukan, **P.M:** Pengalaman Mengajar , **P.J:** Pengalaman Jurulatih, **S.J:** Status Jurulatih, **P.P:** Pengalaman Pemain

## **Analisis data**

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan Grounded Theory (Strauss & Corbin, 2008, 1998, 1990). Menurut Strauss dan Corbin, kod adalah konsep yang sering dikurangkan perkataannya dengan menandakan apa yang berlaku dengan sekeping data. Pengekodan atau Coding juga merupakan proses analitik yang memeriksa setiap garis kata atau perenggan demi perenggan untuk sesuatu peristiwa mahu pun pengalaman dan juga perasaan yang dinamakan sebagai sebuah konsep. Data dari temu bual akan dianalisis menggunakan kaedah pengekodan atau Coding seperti yang disyorkan oleh Strauss dan Corbin (1998; 1990).

Menurut pandangan Strauss dan Corbin (1990) pengekodan paksi (Axial Coding) dan pengekodan terpilih (Selective Coding) digunakan selepas pengekodan terbuka (Open Coding) ini untuk membina sebuah model. Pengekodan paksi (Axial Coding) pula adalah set prosedur di mana semua data yang diperoleh akan disusun semula dengan cara yang baharu selepas pengekodan terbuka (Open Coding) dengan menghubungkan kepada kategori-kategori yang berkaitan.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Sumber**

Hasil maklumat yang didapati daripada didapati terdapat lima sumber yang didapati kerap digunakan oleh jurulatih dalam mengendalikan latihan yang dijalankan di pusat latihan daerah mereka:

#### **1. Diri sendiri**

Antara maklumat yang paling kerap dinyatakan oleh para juru latih ini adalah pengalaman yang dilalui. Pengalaman merupakan sesuatu pengalaman *in hand* yang dilalui oleh jurulatih.

##### **1.1 Pengalaman**

Peserta kajian P1 menyatakan

*Kalau ikutkan saya terlibat dalam bola sepak ni lamalah. Satu sebagai pemain dari peringkat sekolah menengah sehingga ke peringkat Piala Presiden kemudian selepas tu saya melibatkan diri dalam kejurulatihan. Jadi saya start bekerja sebagai seorang guru saya melibatkan diri sebagai jurulatih diperingkat sekolah*

##### **1.2 Pengetahuan**

Peserta P2 menyatakan

*Yang pertama bagi saya ilmu lah. Yang pertama seorang jurulatih yang baik ada ilmu ia ada ilmu untuk diterjemahkan dalam sesi latihan untuk menjadikan satu sesi latihan tu berkualiti. Jurulatih itu sendiri kena ada ilmu. Yang kedua dari segi, jurulatih perlu ada kemahiran, kemairan asas dalam bola sepak untuk tunjuk cara atau demonstrasi kepada pemain-pemain dia dalam sesi latihan. Bagi saya yang perlu menonjol ialah ilmu dan kemahiran jurulatih itu sendiri.*

Peserta P3 pula,

*kita kena ada ilmu terutamanya bila kita menjadi orang penting sebagai contoh jurulatih. Dia ini lah yang akan menentukan banyak benda. Kalau tak ada ilmu macamana dia nak buat. Hanya tahu sahaja tidak cukup sebab itu saya mendalamai ilmu saya dalam sukan hingga saya pergi apa saja yang berkaitan dengan bola sepak pada satu waktu dulu.*

##### **1.3 Minat**

Peserta P6,

*Pertama sekali saya rasa minat lah. Minat yang sangat mendalam. Kalau kita nak jadi jurulatih ni, kalau kita kurang berminat ia akan cepat putus masa. Sebab dalam melatih ni kita akan hadapi berbagai cabaran berbagai isu dan ia datang dari pelbagai sudut. So kalau kurang berminat tu, saya rasa seorang jurulatih itu akan cepat putus asa.*

Peserta P7

*Minat saya dan keperluan saya. Setakat ni saya tak pernah lagi orang paksa saya untuk pegang team, saya pergi atas dasar minat dan saya punya keperluan untuk diri saya aa dalam bidang coaching. Saya nak try dalam bidang coaching pada ketika itu. Jadi kalau tak da team saya akan cari team. kalau tak da team sangat, saya akan buat personal coaching. Jadi ia lebih kepada diri sendiri. Diri sendirilah. Ada jugak team yang saya terpaksa pegang.*

1.4 Analis permainan

Peserta P1

*Sekarang ni saya tengok kalau dulu sampai sekarang pun, German is the best. Saya suka, German is the best dari segi teknikal coaches dia memang bagus. Kalau JDT punya game saya tengok, JDT lawan Selangor. Saya akan suruh budak tengok. Tengok tu maksudnya defender dia defend. Midfield dia macam mana dia hold bola di tengah. Macamana dia attacking. So saya banyak, kalau macam game luar EPL, saya tengok kat mana ada game yang bagus dan bersesuaian kita panggil falsafah kita kat VI ni. Kita tengok game tu macam mana.*

Peserta P4

*Saya minat cara permainan dia, corak latihan dia Dia punya sistem permainan dia. Dia rekrut budak budak muda sampai jadi ternama. Dia bukan ambil pemain yang sudah ada nama masuk team dia, Dia rekrut dari zero dan menjadi somebody. Saya memang minat coach Arsenal, Arsene Wenger sebab proses coaching dia.*

1.5 Buku

P6

*buku-buku dalam bentik Pdf di internet dan dia juga menjadi bahan rujukan bagi saya jika saya kebuntuan ataupun boring dengan sesi latihan yang saya nak bagi pemain pemain kita seronok sikit atau perbezaan so Disitu antara tempat yang saya buat rujukanlah.*

P7

*Macam saya beli buku sendiri, macam buku Raymod Vaygen, dalam tu lengkap tentang periodization dan sebagainya. Ok a itu dan pengetahuan kita lah macam mana kita punya ni. Nak kata bekal yang disediakan oleh badan induk bola sepak based on kursus itu saja lah*

1.6 Idea

P3

*Kadang-kadang idea tu datang sendiri bila lihat pemain lain bermain. Ini membolehkan saya merancang sesuatu untuk latihan budak- budak saya*

1.7 Volunteer

P7

*Ada kalanya saya volunteer ajar pasukan yang tak da coach. Disitu banyak ilmu secara praktikal saya dapat. Kekadang ia menyeronokkan sebab semuanya kita yang buat.*

2. Pihak kedua

Antara sumber maklumat yang digunakan dalam membina latihan adalah melalui pihak kedua yang antaranya adalah:

2.1 Idola

P7

*Saya amat meminati cara coach Jose Mourinho melatih pasukannya. Ia mampu menukar corak permainan bergantung kepada situasi yang terdesak dan situasi yang boleh mendapatkan peluang menjaringkan gol pada saat-saat pasukan tertekan.*

## 2.2 Pendapat ahli akademik P5

*Ada juga jurulatih yang mempunyai latar belakang akademik yang mampu memberikan idea dan kaedah dalam menguruskan pasukan. Ini banyak membantu dalam proses membina pasukan ke peringkat yang lebih baik.*

## 2.3 Rakan P2

*Dorongan rakan tu membantu salah satu faktor. Saya minat dalam bidang kejurulatihan ni datang secara tiba tiba bila saya mula bekerja sebagai seorang guru, saya mula membawa pasukan ke peringkat daerah dan saya mula involve secara serius dalam bidang kejurulatihan dan saya start ambil lesen kejurulatihan untuk saya tambah ilmu dalam bidang kejurualtihan.*

## P4

*Rakan-rakan terutamanya masa sekolah dulu rakan adik beradik dan juga arwah bapa saya lah. Ia semua merupakan dorongan, datang melihat saya game, itu semua dorongan dorongan untuk kita aktif dalam bidang sukan nil ah.*

*juga rakan rakan jurulatih yang lama berkecimpung dan kalangan jurulatih Kuala Lumpur, jadi kita dapat idea idea baru. Mereka akan contact kita dengan idea idea baru sebab kita ada group yang idea idea baru mereka akan bagi maklumat tentang latihan baru dan juga rakan rakan yang sealiran dengan kita.*

## 2.4 Jurulatih yang melatihnya P5

*Pada masa itu saya ada cikgu Shamsul dengan Cikgu Yusof di awal penglibatan saya. Mengajar di sekolah rendah dan disebelah petang saya melibatkan diri dalam program Tunas Cemerlang ke Victoria dimana disana ada cikgu Shamsul dan Cikgu Yusof. Mereka banyak membantu saya pada waktu itu. Kemudian saya mengajar di Sekolah Yaakob Latif disebelah Sekolah Menengah Yaakob Latif ada cikgu Hairudin, Dia ada lesen A dan dia banyak bantu saya dan coaches-coaches yang ada di KL*

## P6

*Ada berberapa individu yang menjadi rujukan latihan saya. Antaranya ialah ketua jurulatih KJRM negeri, En Zali, KJP En Azlan dan Dr Zul Akbal antara orang yang menjadi rujukan.*

## 2.5 Kolaborasi P2

*Kolaborasi ada, bukan sahaja dikalangan coaches di VI, saya juga bertukar pendapat, bertukar idea dengan coaches lain. Kekadang saya melihat mereka mengendalikan satu sesi latihan, saya cuba menceduk apa yang mereka buat, cikgu yang mengendalikan tu, kadang-kadang ilmu yang jurulatih ni ada berbeza.*

## P6

*Ada juga kita menjalankan kerjasama dan kolaborasi dengan rakan lain tetapi jumlah dia sangat sedikit dan ia bergantung dengan jumlah pertandingan. Jika banyak pertandingan dan banyaklah kita berjumpa dan bergaul dan membuat program bersama sama pusat latihan daerah lain. Kalau tak da, kita pun kuranglah untuk bersama*

### 3. Hands on

Sewaktu mengendalikan pasukan juga dapat memberikan satu ruang dan pengalaman dalam mendapatkan idea membina satu latihan yang baik

3.1 Pengalaman mengendalikan pasukan

P3

*Sewaktu mengendalikan pasukan sendiri, barulah kita Nampak apa yang perlu kita buat untuk team kita. Dengan lain kata buat cara praktikal, baru nampak kesan dan kekurangan*

3.2 Perlawanan persahabatan

P1

*Friendly game ni perlu. Disini kita Nampak kelemahan dan kekuatan kita secara praktik. Disinilah kesan latihan kita dan kesemua yang kita latih dapat dijelmakan. Kekuatan dan kelemahan inilah yang membolehkan kita meyusun strategi pada masa depan.*

4. Football Governing Body

Salah satu sumber ilmu yang membantu jurulatih adalah badan sukan itu sendiri.

4.1 Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM)

P1

*Pertama saya mengambil lesen kejurulatihan bolasepak daripada grass root, Lesen D, dan lesen C. Cuma saya tak lanjutkan ke Lesen B dan A kerana masalah sikit, sebab kami cikgu di sekolah serta kos*

*Ya, saya ada lesen kejurulatihan C AFC. Jadi saya tak da nak sambung. Patut ada B, A Pro A. Setakat tu sajalah. Pernah juga dipujuk untuk pergi ambil lesen B. kemudian lesen A tapi agak susahlah kerana faktor masa, wang. Agak susahlah. Saya ada lesen kejurulatihan grassroot dua tahun lepas, Sejak lesen Grassroot diperkenalkan, kita wajib mengambil kursus tu. Cumanya jika kita nak menambah ilmu, boleh la mengambil lesen kejurulatihan.*

P2

*Bagi saya ia satu keperluan, kenapa pihak KPM, Bahagian Sukan telah meletakkan untuk membawa satu pasukan peringkat MSSM memerlukan jurulatih yang mempunyai tauliah, jadi saya rasa ia satu keperluan di peringkat sekolah kerana apa, supaya cikgu-cikgu disekolah ini tahu serba sedikit apa yang diperlukan untuk menjadi jurulatih bola sepak*

*Bila kita cakap ia sebagai keperluan, ia telah ditetapkan oleh badan induk ataupun pihak pengajur sesuatu pertandingan. Keperluan dia lain-lain, yang tetapkan jurulatih yang nak bawa pasukan kena ada lesen B contohnya. Tapi bagi saya keperluan tu kita kena ikutlah kalau kita nak masuk atau kita nak mengendali pasukan. Tapi ilmu itu bergantung kepada bagaimana jurulatih tu cari. Tak semestinya dia ada lesen akar umbi dia tak mampu untuk mengendalikan pasukan.*

4.2 Bahan NFDP

P4

*Bahan Pengajaran buat masa ni kita cari sendiri. Cuma NFDP ada bagi point point untuk setiap NFDP untuk setiap NFDP dan lain tak da lah. Dia bagi umum sahaja. Kita cari sendiri Diaorang bagi basic apa yang diberi contoh NFDP lebih kepada proses. Mereka mula dari bawah. Mereka tak mahu main macam dulu*

4.3 Kursus

P1

*Saya ada lesen kejurulatihan grassroot dua tahun lepas, Sejak lesen Grassroot diperkenalkan, kita wajib mengambil kursus tu.*

*Aa tengok pada tajuk yang dibentangkan. Kalau, selalunya tak cukup, kalau tajuk banyak, tak cukuplah. Sealunya kursus kursus ini melibatkan tiga hari, 2 hari. Macam kursus Grassroot, 2 hari, jadi dapat sikitlah. Jadi kita kena usahalah cari kursus kursus yang berkaitan.*

*Jadi kursus kursus ini amat terhad sebenarnya tapi adalah yang dia buat. Dan adalah ilmu sikit. Kalau tidak sekarang ni guru guru ni, lari sepak bola, sekurang-kurangnya adalah sikit pattern bermain tu.*

#### 4.4 Lesen

P2

*dalam KPM memang kita ada syarat, MSSM sekurang-kurangnya lesen C. tapi untuk bawa ke peringkat tinggi macam Asean School, saya tak berani untuk nak cakap saya kurang mahir tentang hal itu, Mungkin yang saya tahu, tak menjadi isu untuk bawa Asean School jika tak ada lesen. Jadi C lesen mungkin tak da masalah. Tapi untuk mewakili Persatuan FAM, untuk mewakili pasukan pasukan daripada NFDP sekarang ni ia menjadi kewajipan at least sekurang kurangnya jurulatih yang nak membawa team Malaysia ke luar at least perlu ada lesen*

### 5. Internet

Bahan yang didapati dari sumber elektronik juga dan media sosial sangat membantu jurulatih terutama yang inginkan panduan dan bimbingan.

#### 5.1 Internet

P3

*Teknologi sekarang ni bukan internet sahaja. Tapi untuk peringkat awal ini kenalah yang berada dalam kehidupan kita dalam apa juu keadaan jadi memang internet ini sangat penting dan bukan sahaja internet dan pada hari inj kita dah melihat perkara perkara lain yang lebih berteknologi tinggi seperti contoh reading pulse, baju tu yang boleh reading kita punya larian benda benda cam tu, apps apps itu memang membantu dan dia memang memerlukan internet.*

#### 5.2 Youtube

P1

*Aa sumber lain adalah You Tube, daripada pertukaran ilmu antara sekolah sekolah negeri KL dan luar KL dulu ok la selalu pergi library tengok cara coaching bila dah ada IT ni, kita tekan je kat situ, boleh dapat apa yang kita hendak*

*Selalunya, pengalaman dan juga You tubelah. Tengok yang mana sesuai. Sebab You tube ada banyak training*

P3

*Sudah pasti. Sekarang dah ada teknologi tinggi, saya memang banyak melihat contoh-contoh dalam You Tube dalam google, dalam bacaan-bacaan aa apa penulis penulis dalam bahagian bola sepak jadi memang membantu itu saya cari terutamanya yang paling mudah ialah Youtube. Memang banyak sebenarnya kat you tube*

*You tube, Saya tengok you tube, saya tengok beberapa latihan latihan PKP, saya juga berbincang dengan rakan rakan jurultaih yang lain dan akhirnya saya menggunakan itu semua mengikut kesesuaian pemain yang saya ada*

#### 5.3 Media sosial


P5

*Di SSN memang kita jalankan latihan disepanjang PKP. Kita melakukan video, kita buat google meet, awal tu kita buat whatss up call. Kita panggil pemain buat latihan secara online.*

P6

*Ada, yang paling utama yang saya tengok ialah You tube, You tube memang the best saya punya sumber dan facebook tapi facebook pun datang dari you tube juga. Dan satu lagi web site yang saya suka adalah Keep it on the deck. Itu coaching punya web site ok disamping twitter*

Rajah 1 menunjukkan dapatan kajian bagi persoalan kajian mengenai sumber dan sukan yang digunakan oleh juru latihan mereka. Hasil daripada temubual yang dijalankan keatas tujuh jurulatih Pusat Latihan Daerah.



**Rajah 1:** Kerangka Teoritikal Pembinaan Modul Small Sided Games untuk Program Pembangunan Bola Sepak Negara (NFDP)

## PERBINCANGAN

Kesemua jurulatih yang terlibat dalam kajian ini menyatakan bahawa diri mereka sendiri merupakan sumber yang penting untuk mereka mendapatkan pengetahuan lanjut mengenai ilmu kejurulatihan untuk melatih pasukan PLD mereka. Menurut Tracy, Johnson, Giannoulakis, Blom dan Judge (2018), pengalaman diri sendiri merupakan faktor peningkatan pencapaian mereka dalam meningkatkan karier kejurulatihan mereka. Grossmann dan Lames (2015) pula menyatakan bahawa pencapaian diri sendiri samada sebagai jurulatih atau pemain bola sepak melayakkan mereka untuk diserap dalam pasukan utama. Pencapaian diri sendiri juga meningkatkan gaya komunikasi yang berkesan semasa melatih

pasukan, dapat mengukuhkan pengetahuan asas mereka dalam melatih pasukan, meningkatkan keyakinan dan dapat membantu dalam membina latihan secara kendiri (Spence, Stout-Rostron, Reenen & Glashoff, 2019).

Selain itu, pihak kedua juga merupakan sumber pengetahuan jurulatih PLD dalam melatih pasukan bola sepak mereka. Kajian Milistetd, Salles, Backes, Mesquita & Nascimento (2019) menyatakan bahawa kerjasama antara jurulatih dalam membina isi kandungan pembelajaran dapat memenuhi keperluan pembelajaran dimana jurulatih akan menghubungkaitkan hubungan antara pengalaman pemain mereka dengan isi kandungan pembelajaran melalui perkongsian antara jurulatih. Ciampolini, Milistetd, Rynne, Brasil & do Nascimento (2019) pula menyatakan bahawa pentingnya pihak kedua ini di mana ia membantu dalam merancang program yang berkesan bersama rakan sekerja, dapat meluaskan jaringan (*networking*) (Nash, Sproule & Horton, 2017), membantu meningkatkan kepuasan kerja dari segi komunikasi (Takamatsu & Yamaguchi, 2018), dapat membantu dalam meningkatkan karakter pemain mereka (Kjær, 2019) dan dapat belajar bersama rakan jurulatih (Cooper & Allen, 2018). Jurulatih juga menyatakan bahawa penglibatan jurulatih secara *hands on* dapat membantu mereka semasa melatih pasukan PLD mereka. Cohen, Bovbjerg dan Wegis (2020) menyatakan bahawa terdapat perkaitan antara pengalaman jurulatih dengan aktiviti yang mereka lakukan. Semakin lama tempoh jurulatih tersebut terlibat dalam sesuatu aktiviti secara *hands on* (dalam konteks kajian ini ialah latihan bola sepak dalam situasi permainan sebenar), semakin tinggi keberkesanan latihan jurulatih tersebut.

Costa, Castro, Mesquita, Afonso, Lage, Ugrinowitsch dan Greco (2018) pula menyatakan bahawa penglibatan jurulatih secara *hands on* dan menyeluruh dapat meningkatkan aktiviti membuat Keputusan. Mukherjee, Chand, Wong, Choong, Lau, Wang dan Ng (2016) menyatakan penglibatan yang menyeluruh dapat meningkatkan keupayaan jurulatih dalam membuat sesuatu keputusan kejurulatihan mereka. Jurulatih yang terlibat secara *hands on* juga mempunyai pertimbangan dalam kemahiran membuat keputusan yang mereka lakukan di mana mereka dapat lebih bertolak ansur dengan pemain mereka (Rankin-Wright, Hylton & Norman, 2019). Selain itu, Whelan, Kenny & Harrison (2016) pula berpendapat bahawa latihan yang dilakukan oleh jurulatih dapat membantu mereka melalui pengalaman yang mereka lalui sendiri semasa bergelar sebagai pemain bola sepak. Gonzalez-Rivera, Campos-Izquierdo, Villalba dan Hall (2017) menyatakan bahawa jurulatih dapat merancang keperluan latihan, memberi latihan latih tubi yang bersesuaian dengan pemain mereka, membuat latihan yang sama dengan situasi permainan sebenar, menyampaikan maklumat yang berguna dari jurulatih yang mereka belajar sebelum ini kepada pemain mereka dan dapat menyebarkan maklumat tambahan untuk latihan masa hadapan pemain mereka. *Hands on* juga dapat dikaitkan dengan pengalaman jurulatih itu sendiri di mana pengalaman jurulatih dapat menghubungkan teori yang mereka pelajari kepada sesi praktikal latihan bola sepak mereka (Claunch & Fry, 2016).

*Football governing body* juga antara penyumbang kepada sumber pengetahuan jurulatih PLD dalam melatih pasukan bola sepak mereka. Bolter, Petranek dan Dorsch (2018) menyatakan bahawa jurulatih bola sepak perlu diberi ilmu pengetahuan yang boleh didapati daripada kursus. Kursus-kursus yang dijalankan untuk perkembangan jurulatih harus dijalankan (Walker, Thomas & Driska, 2018). Jurulatih juga memerlukan bimbingan yang berstruktur. Menurut Koh, Ho dan Koh (2017) bimbingan berstruktur tersebut boleh diperoleh semasa kursus kejurulatihan yang mereka serta kerana dalam kebanyakan kursus kejurulatihan, jurulatih-jurulatih ini bergaul dengan fasilitator kursus dan peserta kursus yang lebih pengetahuan dan pengalaman. *Football governing body* juga dapat menawarkan pembelajaran yang lebih jelas kepada jurulatih dan dapat membantu pembangunan karier dan pengetahuan jurulatih secara lebih menyeluruh (Vinson, Brady, Moreland & Judge, 2016).

Internet juga merupakan sumber pengetahuan yang diberikan oleh jurulatih yang terlibat. He, Trudel dan Culver (2018) menyatakan bahawa sumber pengetahuan melalui sumber internet sangat membantu mereka dalam mencari bahan pengajaran mereka. Kerr, Ledet, Ata, Newitt, Santa Barbara, Kahanda dan Sperry Schlueter (2018) pula menyatakan bahawa dengan menonton rakaman video melalui internet (YouTube atau laman web berkaitan), jurulatih dan pemain dapat melihat teknik atau taktik latihan bola sepak yang terkini. Koh, Lee dan Lim (2018) pula menyatakan bahawa internet mempunyai banyak manfaat antaranya ialah ianya mudah diakses, menjimatkan masa dan mendapatkan bahan yang terkini dengan menggunakan kata kunci yang betul. Kelebihan-kelebihan ini membantu jurulatih dalam melatih pasukan bola sepak PLD mereka.

## KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti sumber pengetahuan yang digunakan untuk melatih pasukan bola sepak Pusat Latihan Daerah (PLD) di Kuala Lumpur. Berdasarkan kajian yang dijalankan, terdapat lima sumber pengetahuan iaitu (i) diri sendiri, (ii) pihak kedua, (iii) hands on, (iv) football governing body dan (v) internet digunakan oleh jurulatih bola sepak Pusat Latihan Daerah (PLD) untuk melatih pasukan bola sepak mereka. Dengan menggunakan kelima-lima sumber tersebut, jurulatih dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran sewaktu melatih pasukan bola sepak mereka. Sehubungan itu, kelima-lima sumber pengetahuan ini boleh dimanfaatkan untuk membina satu program latihan bola sepak yang baik dan membantu jurulatih untuk melatih pasukan bola sepak PLD mereka.

## RUJUKAN

- Bolter, N. D., Petranek, L. J., & Dorsch, T. E. (2018). Coach, parent, and administrator perspectives on required coaching education in organized youth sport. *International Journal of Sports Science & Coaching*, 13(3), 362-372.
- Cooper, D., & Allen, J. B. (2018). The coaching process of the expert coach: A coach led approach. *Sports Coaching Review*, 7(2), 142-170.
- Ciampolini, V., Milistetd, M., Rynne, S. B., Brasil, V. Z., & do Nascimento, J. V. (2019). Research review on coaches' perceptions regarding the teaching strategies experienced in coach education programs. *International Journal of Sports Science & Coaching*, 14(2), 216-228.
- Claunch, J. L., & Fry, M. D. (2016). Native American football coaches' experience of a motivational climate collaboration with sport psychology researchers. *International Journal of Sports Science & Coaching*, 11(4), 482-495.
- Cohen, A. J., Bovbjerg, V., & Wegis, H. (2020). Does coaching experience and coaching efficacy of untrained volunteer youth sport coaches influence children's moderate-to-vigorous physical activity?. *International Journal of Sports Science & Coaching*, 15(2), 135-145.
- Costa, G. C., Castro, H. O., Mesquita, I. R., Afonso, J., Lage, G. M., Ugrinowitsch, H., ... & Greco, P. J. (2018). Tactical knowledge, decision-making, and brain activation among volleyball coaches of varied experience. *Perceptual and Motor Skills*, 125(5), 951-965.
- Grossmann, B., & Lames, M. (2015). From talent to professional football—youthism in German football. *International Journal of Sports Science & Coaching*, 10(6), 1103-1113.
- Gonzalez-Rivera, M. D., Campos-Izquierdo, A., Villalba, A. I., & Hall, N. D. (2017). Sources of knowledge used by Spanish coaches: A study according to competition level, gender and professional experience. *International Journal of Sports Science & Coaching*, 12(2), 162-174.
- He, C., Trudel, P., & Culver, D. M. (2018). Actual and ideal sources of coaching knowledge of elite Chinese coaches. *International Journal of Sports Science & Coaching*, 13(4), 496-507.
- Karim, Z. A., Razak, A. N. A., & Nadzalan, A. M. (2018). Designing model of career path development for National Football Development Program (NFDP): directions, issues, challenges and sources of knowledge that influence and develop coaching expertise level. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(3), 542-550.
- Kerr, H. A., Ledet, E. H., Ata, A., Newitt, J. L., Santa Barbara, M., Kahanda, M., & Sperry Schlueter, E. (2018). Does instructional video footage improve tackle technique?. *International Journal of Sports Science & Coaching*, 13(1), 3-15.
- Kementerian Belia dan Sukan. (2014). Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara Fasa 1: 2014-2020. Wilayah Persekutuan Putrajaya: Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Malaysia.
- Kjær, J. B. (2019). The professionalization of sports coaching: A case study of a graduate soccer coaching education program. *Journal of Hospitality, Leisure, Sport & Tourism Education*, 24, 50-62.
- Koh, K. T., Lee, T. P., & Lim, S. H. (2018). The Internet as a source of learning for youth soccer coaches. *International Journal of Sports Science & Coaching*, 13(2), 278-289.
- Koh, K. T., Ho, X. Y., & Koh, Y. (2017). The developmental experiences of basketball mentor coaches. *International Journal of Sports Science & Coaching*, 12(4), 520-531.

- Milstetd, M., Salles, W. D. N., Backes, A. F., Mesquita, I., & Nascimento, J. V. D. (2019). Learner-centered teaching in a university-based coach education: First attempts through action research inquiry. *International Journal of Sports Science & Coaching*, 14(3), 294-309.
- Mukherjee, S., Chand, V., Wong, X. X., Choong, P. P., Lau, V. S., Wang, S. C., ... & Ng, K. W. (2016). Perceptions, awareness and knowledge of the female athlete triad amongst coaches—are we meeting the expectations for athlete safety?. *International Journal of Sports Science & Coaching*, 11(4), 545-551.
- Nash, C., Sproule, J., & Horton, P. (2017). Feedback for coaches: Who coaches the coach?. *international journal of sports science & coaching*, 12(1), 92-102.
- Rankin-Wright, A. J., Hylton, K., & Norman, L. (2019). Negotiating the coaching landscape: experiences of black men and women coaches in the United Kingdom. *International Review for the Sociology of Sport*, 54(5), 603-621.
- Spence, G. B., Stout-Rostron, S., Reenen, M. V., & Glashoff, B. (2019). Exploring the delayed effects of leadership coaching: a pilot study. *coaching: An International Journal of Theory, Research and Practice*, 12(2), 125-146.
- Strauss, A.L. & Corbin, J.M. (2008). Basic of Qualitative Research Technique and Procedures for Developing Grounded Theory, *Sage Publication Inc.*
- Strauss, A.L & Corbin, J.M. (1990). Basic of Qualitative Research: Grounded Theory Procedures and Technique. *Sage Publications Inc.*
- Strauss, A.L & Corbin, J.M. (1998). Basic of Qualitative Research Techniques. *Sage Publications Inc.*
- Takamatsu, S., & Yamaguchi, Y. (2018). Effect of coaching behaviors on job satisfaction and organizational commitment: The case of comprehensive community sport clubs in Japan. *International Journal of Sports Science & Coaching*, 13(4), 508-519.
- Tracy, D. R., Johnson, J. E., Giannoulakis, C., Blom, L., & Judge, L. W. (2018). Examining prior experiences and career attainment of FBS football head coaches. *International Journal of Sports Science & Coaching*, 13(1), 46-61.
- Vinson, D., Brady, A., Moreland, B., & Judge, N. (2016). Exploring coach behaviours, session contexts and key stakeholder perceptions of non-linear coaching approaches in youth sport. *International Journal of Sports Science & Coaching*, 11(1), 54-68.
- Walker, L. F., Thomas, R., & Driska, A. P. (2018). Informal and nonformal learning for sport coaches: A systematic review. *International Journal of Sports Science & Coaching*, 13(5), 694-707.
- Whelan, N., Kenny, I. C., & Harrison, A. J. (2016). An insight into track and field coaches' knowledge and use of sprinting drills to improve performance. *International Journal of Sports Science & Coaching*, 11(2), 182-190.